

Sejarah permulaan hijrah sebenarnya berlaku ketika umat Islam melakukan hijrah ke Habsyah (Ethopia) disebabkan penyesaan puak Quraisy yang bertali arus terhadap umat Islam bagi merencanakan dakwah yang dibawa oleh Rasulullah SAW.


Namun begitu, di balik penyesaan tersebut, Allah SWT telah mendatangkan hikmah yang tidak ternilai harganya apabila Raja Najasyi, iaitu pemerintah Habsyah telah mempelawa Rasulullah SAW untuk berhijrah ke sana. Akan tetapi, ketika itu Baginda hanya menghantar rombongan kira-kira 80 orang diketuai oleh Sayidina Uthman bin Affan.

Dr. Said Ramadan al-Buti dalam kitabnya, *Fiqh al-Sirah* telah menukilkan bahawa faktor utama penghijrahan tersebut adalah disebabkan faktor Raja Najasyi itu sendiri, iaitu seorang ahli Kitab yang beriman kepada Allah SWT dan meyakini risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Hal ini menunjukkan bahawa keimanan kepada Allah SWT dapat menimbulkan kefahaman dan kesedaran berhubung dengan kebenaran sesuatu ajaran agama yang sebenar. Hal ini bertepatan dengan fitrah manusia yang mahukan kesahihan dalam hidup beragama bersumberkan syariat sebenar.

Peristiwa Hijrah

Hijrah

kepada Umat Islam Sepanjang Zaman



Bertitik tolak daripada hijrah ke Habsyah tersebut telah merintis kepada hijrah kedua, iaitu hijrah ke Madinah yang lebih signifikan kerana melibatkan diri Rasulullah SAW sendiri termasuk para sahabat yang lebih awal memeluk Islam. Hal tersebut melibatkan pengorbanan yang besar kerana menuntut Rasulullah SAW meninggalkan tempat kelahiran Baginda ke suatu tempat yang baharu dan asing. Peristiwa hijrah ini telah menyerlahkan aspek pembinaan fitrah insani apabila Islam dapat disebarluaskan ke seluruh Semenanjung Tanah Arab dan seterusnya berkembang ke seluruh pelosok dunia hingga kini.

Hijrah suatu pengorbanan

Sejarah mencatatkan kisah istimewa dan jarang-jarang dibicarakan berkenaan dengan pembinaan negara Islam Madinah ketika hendak ditubuhkan pada tahun 622M. Jika diteliti dan diamati dengan mendalam, penghijrahan ini mempunyai nilai pengorbanan yang tinggi. Pemergian Baginda dan para sahabat ke Madinah bukanlah untuk melancong atau bersiar-siar, tetapi di bahu mereka terpikul suatu amanah yang besar, iaitu memastikan agama Islam terus diperkasa dan disebarluaskan untuk umat mendatang. Allah SAW telah merakamkan dalam al-Quran perihal kelebihan berhijrah ini menerusi firman-Nya yang bermaksud, “Sesungguhnya orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah. Dan

mereka itulah orang-orang yang berjaya.” (*Surau al-Tawbah* 9:20).

Hijrah Rasulullah SAW berserta dengan para sahabat merupakan suatu tuntutan bagi mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang ideal. Perkara ini dapat dilihat tatkala sampai sahaja Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda di Madinah, tanpa berlengah Rasulullah SAW telah mempersaudarakan golongan muhajirin dan Ansar. Hal ini sangat penting dilakukan kerana jika persaudaraan tersebut tidak dilakukan sudah pasti banyak polemik dan masalah akan timbul. Budaya orang Arab ketika itu hidup penuh dengan semangat *assabiyyah* yang menyebabkan timbulnya banyak kabilah Arab.

Rasulullah SAW melihat perkara ini sebagai suatu hal yang tidak sihat jika dibiarkan wujud dalam hidup masyarakat di Madinah ketika itu. Hal tersebut ditambah pula dengan kewujudan golongan Yahudi yang sentiasa mencari jalan untuk merosakkan dakwah Rasulullah SAW disebabkan dendam kesumat mereka terhadap Rasulullah sejak dahulu lagi. Malahan ada pandangan mengatakan bahawa mereka bercita-cita untuk menjadi penguasa dan pemimpin di bumi Madinah. Namun begitu, dengan kebijaksanaan Rasulullah SAW, Baginda telah dapat menyatupadukan antara golongan Ansar dengan muhajirin dan hal tersebut bukanlah perkara yang mudah kerana menerobos budaya dan tradisi orang Arab ketika itu yang sukar menerima kehadiran kaum lain dalam komuniti mereka. Inilah semangat pengorbanan yang telah

ditonjolkan oleh umat Islam ketika itu dengan mengetepikan budaya *assabiyyah* demi Allah dan rasul-Nya. Semangat pengorbanan ini wajar dicontohi dan diteladani oleh umat Islam pada hari ini memandangkan semangat persaudaraan dalam kalangan umat Islam kini semakin terhakis.

Allah SWT telah merakamkan hal ini dalam al-Quran menerusi firman-Nya yang bermaksud, “Dan orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah, dan orang (Ansar) yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan, merekalah orang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia.” (*Surah al-Anfal* 8:74). Menerusi ayat ini, ganjaran yang terbaik akan diberikan kepada mereka yang melakukan kebaikan menerusi pertolongan terhadap sesama umat seperti yang telah dilakukan oleh kaum Ansar tatkala menyambut kedatangan kaum muhajirin di Madinah.

Hijrah dan cabarannya

Perlu difahami bahawa cabaran yang diertikan dalam konteks

Sebagai renungan dan pedoman umat Islam pada masa sekarang, walau apa-apa juga ujian dan dugaan yang mendatang dalam usaha menyebarkan dakwah, janganlah dijadikan alasan untuk tidak meneruskan agenda dakwah Rasulullah SAW.

hijrah ini ialah suatu dugaan dan ancaman yang datang selepas Islam disembarkan secara terang-terangan, dan kesannya terhadap dakwah Islam tersebut. Kita sedia maklum bahawa selepas Rasulullah SAW menyebarkan dakwah secara terang-terangan, tentangan demi tentangan telah dizahirkan oleh kaum Musyrikin Makkah. Pelbagai usaha telah dilakukan seperti kezaliman, penyiksaan, pemulauan, fitnah, malahan sampai ke satu tahap untuk membunuh Rasulullah SAW. Hal ini merupakan satu bentuk kebencian dan kemarahan terhadap usaha dakwah Rasulullah SAW yang pada pandangan mereka telah mengancam budaya dan kehidupan mereka.

Namun begitu, tentangan dan ancaman tersebut tidak mendatangkan kelunturan semangat Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda untuk terus berdakwah, malah mendatangkan momentum yang positif kepada Baginda bagi memastikan Islam dapat disebarluaskan dengan jayanya. Malahan Allah SWT berjanji akan memberikan ganjaran yang sebaik-baiknya kepada hamba-Nya yang berjuang. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang

banyak dan rezeki yang makmur.” (Surah al-Nisa’ 4:100).

Jelas bahawa betapa Allah SWT amat menyayangi para hamba-Nya yang berjuang dengan menyediakan pelbagai ganjaran yang baik sekiranya dilakukan sesuatu amalan itu berpaksikan keimanan kepada-Nya. Inilah faktor utama yang menyebabkan Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda begitu kental dan jitu berjuang untuk menegakkan agama Islam di bumi Makkah serta meneruskannya di Madinah hasil keimanan yang kuat kepada Allah SWT.

Ibrah di sebalik perjuangan Rasulullah SAW

Sebagai renungan dan pedoman umat Islam pada masa sekarang, walau apa-apa juga ujian dan dugaan yang mendatang dalam usaha menyebarkan dakwah, janganlah dijadikan alasan untuk tidak meneruskan agenda dakwah Rasulullah SAW ini. Sejarah telah menceritakan kepada kita bahawa setiap rintangan dan dugaan yang ada, hendaklah dijadikan sebagai cabaran untuk kita lebih positif dan proaktif dalam menjayakan agenda dakwah Rasulullah SAW. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar daripada

segala yang menyusahkannya) serta memberikan rezeki daripada jalan yang tidak terlintas di hatinya.” (Surah al-Talaq 65:2-3). Jadikanlah ayat ini sebagai pemangkin untuk terus berusaha berdakwah di jalan Allah SWT, di samping menjadikan sirah perjuangan hijrah ini sebagai motivasi untuk terus maju dan berjaya.

Hijrah sebagai wasilah fitrah insani

Menerusi hijrah yang telah bermula di Habsyah, dan diikuti dengan hijrah Rasulullah SAW secara formal ke Madinah, pelbagai aspek keinsanan dan kemasyarakatan dapat dirungkaikan. Apabila Rasulullah SAW dan para sahabatnya sampai ke Madinah, pelbagai reformasi telah dilakukan oleh Baginda. Antaranya termasuklah mendirikan masjid, mempersaudarakan antara orang Ansar dengan muhajirin, mewujudkan Sahifah Madinah dan mengadakan hubungan diplomasi dengan kabilah Arab bagi memperkukuh keberadaan negara Islam Madinah. Kesemua perkara yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ini sebenarnya memberikan banyak kelebihan dan manfaat bagi menjamin kelangsungan dakwah Baginda untuk disebarluaskan. Jika diteliti, terdapat beberapa impak positif yang dapat dilahirkan menerusi peristiwa hijrah ini.



1 Pembinaan akhlak yang mulia sebagai asas

Rasulullah SAW telah menunjukkan teladan yang baik semasa Baginda menjalankan dakwah. Hal tersebut bertambah kukuh apabila kebaikan akhlak Baginda diketahui oleh penduduk Madinah, iaitu kaum Aus dan Khazraj yang datang menemui Baginda, serta mempelawa Baginda untuk berhijrah ke tempat mereka untuk diangkat sebagai pemimpin. Mereka yakin dengan ketokohan dan ketinggian budi pekerti Rasulullah SAW dapat menyelesaikan kemelut mereka yang saling bermusuhan tanpa kesudahan. Inilah bukti bahawa dengan hijrah mereka berasaskan bahawa segala permasalahan yang dihadapi mampu diselesaikan oleh Baginda. Fitrah manusia pada asasnya memang suka akan perdamaian dan keamanan, bukannya permusuhan yang berpanjangan.

2 Pembentukan peribadi Muslim

Menerusi hijrah juga, pembentukan peribadi Muslim telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan begitu meluas. Antara pembinaan peribadi Muslim yang baik termasuklah dengan wujudnya keikhlasan dalam beribadat. Firman Allah SWT yang bermaksud "Maka sembahlah Allah dengan ikhlas kerana agama." (*Surah al-Zumar* 39:2). Hasil daripada hijrah ini, Rasulullah SAW telah berjaya menanamkan dalam diri umat Islam di Madinah

sifat ikhlas ketika beribadat, dan dengan keikhlasan itu akan menerbitkan keimanan yang kukuh kepada Allah SWT. Secara fitrahnya, keikhlasan akan memberikan impak ketenangan buat diri seorang Muslim.

3 Persaudaraan sesama Islam

Kemuncak kepada peristiwa hijrah ini ialah kejayaan Rasulullah SAW mendamaikan kaum Aus dan Khazraj serta memperkukuh persaudaraan antara kaum muhajirin dengan Ansar. Persaudaraan ini bukan sahaja pada kata-kata zahir, tetapi dengan perasaan yang benar-benar jujur dan ikhlas kerana Allah SWT. Perasaan inilah yang ditanam oleh Rasulullah SAW di dalam hati orang-orang Islam bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang padu serta disulami dengan kasih sayang antara satu sama lain. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu, maka sembahlah kamu akan Daku." (*Surah al-Anbiya'* 21:92). Secara fitrahnya manusia memerlukan orang lain untuk menyempurnakan kehidupan mereka. Atas faktor ini, Allah SWT telah menyeru kepada hamba-Nya untuk hidup bermasyarakat dengan ikatan persaudaraan Islam yang ampuh. Semuanya dapat dizahirkan menerusi peristiwa hijrah ini. Permusuhan yang berlaku sekian lama

dapat dirungkaikan dengan jayanya atas kebijaksanaan Rasulullah SAW menerusi panduan daripada Allah SWT. Semangat *assabiyyah* yang sudah tertanam kukuh dalam jiwa orang Arab pada ketika itu dapat dihapuskan natijah daripada peristiwa hijrah. Kemuncaknya, pada tahun kelapan Hijrah tatkala Pembukaan Kota Makkah, tiada pertumpahan darah berlaku antara tentera Islam pimpinan Rasulullah SAW dengan kaum Musyrikin di Makkah hasil daripada sifat diplomasi hebat yang telah ditonjolkan oleh Rasulullah SAW menerusi persaudaraan Islam yang kukuh.

Pelbagai onak dan duri diharungi oleh Rasulullah SAW bagi menyampaikan agama Islam kepada seluruh umat manusia atas perintah Allah SWT. Dugaan demi dugaan dapat dihadapi oleh Baginda dengan penuh keimanan kepada Allah SWT kerana yakin Allah SWT akan memberikan kejayaan suatu hari nanti. Hijrah meninggalkan kesan yang mendalam bukan sahaja terhadap nilai fitrah keinsanan, tetapi kesannya besar sehingga berlakunya pembinaan ummah dan daulah Islamiah. Inilah hasil yang telah dikecapi menerusi peristiwa hijrah sebagai satu peristiwa teragung yang berlaku dalam sejarah perjuangan Rasulullah SAW. Wajar bagi kita umat Muhammad hari ini untuk menjadikannya sebagai ibrah bagi memastikan kelangsungan Islam berterusan serta menempa kejayaan di dunia dan di akhirat. 🕌